

**Belanjawan 2020: Diskaun 18 peratus untuk semua tol milik PLUS
AstroAwani
11 Oktober 2019
Firdaus Azil,**

KUALA LUMPUR: Rakyat kini boleh menikmati diskaun sebanyak 18 peratus secara purata di semua lebuhraya milik PLUS Malaysia Berhad mulai tahun 2020, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Sewaktu membentangkan Belanjawan 2020 di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata, langkah itu akan memberi penjimatan kepada pengguna lebuhraya tersebut sehingga RM1,130 juta pada tahun 2020, dan RM43 bilion sepanjang baki tempoh konsesi sehingga 2038.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, kerajaan masih menimbangkan kesemua cadangan, termasuk daripada Khazanah Nasional Berhad, untuk mengambil alih atau melupuskan semua saham PLUS Malaysia Berhad

“Cadangan yang diterima hendaklah memberi impak positif fiskal dan tidak meningkatkan beban hutang dan bayaran khidmat hutang kerajaan,” katanya lagi.

Selain itu, Guan Eng berkata, Kabinet telah meluluskan pengambilalihan empat lebuhraya Lembah Klang iaitu Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Sprint (SPRINT) dan Terowong SMART (SMART).

“Konsesi sedia ada tidak akan dilanjutkan dan akan tamat mengikut perjanjian konsesi sedia ada.

“Pengambilalihan lebuhraya ini tidak akan membebankan kerajaan kerana kos pembiayaan, operasi dan penyelenggaraan,” katanya lagi.

Bagi menampung kos itu, Guan Eng berkata, caj kesesakan pada waktu sekitar puncak dan waktu biasa diturunkan sehingga 30 peratus berbanding dengan kadar tol semasa serta percuma semasa waktu bukan puncak.

“Ini akan menjimatkan pengguna lebuhraya sehingga RM180 juta setahun, atau RM2 bilion sehingga akhir hayat konsesi,” katanya lagi.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2020-diskaun-18-peratus-untuk-semua-tol-milik-plus-219817>